

SABAH MENUJU PRN 2020

Asrin Utong

Programme Executive, IMAN Research

Umum mengetahui bahawa kerajaan Sabah di bawah pemerintahan Parti Warisan Sabah telah mengambil keputusan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah. Menerusi sidang media pada 30 Julai 2020 oleh Presiden Parti Warisan Sabah sekaligus merangkap Ketua Menteri Sabah iaitu Shafie Apdal, bahawa pembubaran DUN Sabah telah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Juhar Mahiruddin.¹ Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) turut menerima pemakluman rasmi daripada Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah berhubung pembubaran tersebut. Menurut Setiausaha SPR, berdasarkan Perkara 21 (4), Perlembagaan Negeri Sabah, pilihan raya perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran DUN.²

Pembubaran ini adalah selepas pengumuman oleh Musa Aman yang mendakwa bahawa beliau memiliki majoriti mudah bagi membentuk kerajaan di Sabah. Menurut beliau, 33 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada 60 ADUN di Sabah bersama-sama beliau bagi membentuk kerajaan baharu di Sabah.³

Pasca-Pilihan Raya Umum (PRU) 14 yang lalu, Barisan Nasional (BN) dan Parti Warisan Sabah (Warisan) bersama rakan partinya Pakatan Harapan (PH) masing-masing memperoleh 29 kerusi daripada 60 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Dua kerusi lagi yang dimenangi oleh Parti Solidariti Rakyat Sabah (STAR) kemudian menyokong BN Sabah pimpinan Musa Aman yang menyebabkan BN memperoleh majoriti mudah membentuk kerajaan dengan 31 kerusi. Kemudian, Pertubuhan Pasokmomogun Kadazan Dusun Murut Bersatu (UPKO) yang kini dikenali dengan nama baharu pasca penjenamaan semula iaitu United Progressive Kinabalu Organisation (UPKO) mengumumkan keluar daripada BN. Walaupun begitu, ADUN UPKO seramai 4 orang masih menyokong Musa Aman sebagai Ketua Menteri. Pada 10 Mei 2018, Musa Aman mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah. Sehari selepas itu, enam ADUN BN keluar daripada BN

1 <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/07/605381/tyt-perkenan-pembubaran-dun-sabah-shafie-metrotv>

2 <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/716653/spr-terima-notis-pembubaran-dun-sabah>

3 <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/716142/musa-dakwa-peroleh-majoriti-mudah-bentuk-kerajaan-baharu-sabah>



dan menyertai Warisan dan sekaligus menyokong Shafie Apdal menjadi Ketua Menteri Sabah. Pada 12 Mei 2018, Shafie Apdal mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah.

Kronologi politik Sabah di atas adalah titik mula kepada segala kekecohan yang membawa kepada pembubaran DUN Sabah. Sabah akan berhadapan dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) Penggal ke-15 tidak lama lagi. Keputusan membubarkan DUN Sabah ketika pandemik COVID-19 ini juga adalah sesuatu yang sangat menggusarkan rakyat Sabah. Demikian bantahan Musa Aman selepas Shafie Apdal mengumumkan pembubaran DUN dan memungkinkan perlaksanaan PRN dalam masa terdekat.⁴

Isu keselamatan, warga asing dan perebutan kuasa dalam spektrum parti politik di Sabah termasuklah wakil rakyat yang culas terhadap amanah dan undi penyokongnya menjadi kegusaran rakyat Sabah. Sikap lompat parti ataupun terma “katak” sudah menjadi biasa dalam sejarah politik Sabah. Namun, propaganda anti-katak ini mula dikempenkan dengan rancak dan tersusun pasca pembubaran DUN Sabah. Rakyat Sabah terpanggil untuk menyenaraikan nama-nama wakil rakyat yang lompat parti untuk tidak diberikan lagi undi dan kepercayaan memimpin.

Selain itu, ketidakseimbangan politik yang kemudiannya menjadi rancu akibat ketiadaan kuasa oposisi yang kuat pasca gelombang Warisan sebelum ini telah menjadi vakum dan kelompongan besar kerana ketiadaan semak imbang dan pencabar yang membawa aspirasi berbeza. Demikianlah, pembubaran DUN dan perlaksanaan PRN adalah jalan terbaik menyelesaikan kemelut politik ini walaupun sebahagiannya berpandangan bahawa ianya bukan berlaku pada masa yang sesuai.

PERGOLAKAN DAN PERCATURAN POLITIK

Beberapa jam selepas Musa Aman mendakwa bahawa beliau memiliki majoriti mudah bagi membentuk kerajaan dengan sokongan 33 Adun, beberapa nama Adun yang lompat parti mula tersebar dalam platform media sosial. Bahkan, beberapa hari sebelum pengumuman Musa Aman, beberapa Adun DAP Sabah dan Warisan turut mendakwa bahawa mereka didatangi oleh “ejen” untuk menawarkan lompat parti serta habuan yang lumayan.⁵

Fasa mengukuhkan semula koalisi pembangkang di Sabah sedang berjalan dan semakin rancak selepas kembalinya Musa Aman dalam gelanggang politik di Sabah. Umum mengetahui, Musa Aman dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi daripada semua pertuduhan 46 tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram berhubung kontrak konsesi balak di Sabah.⁶

Walaupun kemasukan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) pada April 2019⁷ pernah menggegar ombak politik yang diterajui oleh Warisan, namun ianya tidak dapat melawan stamina pembangkang pasca kepulangan Musa

4 <http://www.astroawani.com/berita-politik/musa-aman-tolak-keputusan-bubar-dun-kerana-bahayakan-nyawa-rakyat-sabah-253337>

5 <https://www.borneotoday.net/kediaman-adun-moyog-dan-adun-kapayan-didatangi-ejen-ta-war-lompat-parti/>

6 <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/06/698107/musa-aman-bebas-46-tuduhan>

7 <http://www.dailyexpress.com.my/news/133473/ppbm-bawa-gelombang-baharu-ke-sabah/>



Aman ke arena politik Sabah. Beliau menjangkau populariti Hj. Hajiji (Pengerusi Bersatu Sabah) dan Bung Mokhtar Radin (Pengerusi UMNO Sabah) yang kini bersama Muafakat Nasional (MN). Namun, pemerhatian menunjukkan bahawa Muafakat Nasional antara UMNO dan PAS di Sabah tidak wujud secara rasmi sebagaimana di peringkat persekutuan.

Namun, rakyat Sabah kelihatan masih sukar melakukan pilihan apabila tawaran kepada pasukan baharu daripada pembangkang masih menampilkan wajah lama iaitu Musa Aman. Sabah telah melalui mimpi ngeri selama 15 tahun di bawah pemerintahan Musa Aman. Sehingga badai jahat itu diranapkan dengan gelombang “Sabah for Sabahan” oleh parti tempatan pada PRU14 lalu iaitu Parti Warisan Sabah. Walaupun begitu, propaganda “sokong parti tempatan” atau “Sabah for Sabahan” menjadi retorik yang tidak tahan lama. Rakyat Sabah turut memantau potensi Warisan dalam misi mengembalikan politik rakyat di Sabah. Namun, Warisan turut didepani kelompok penyokongnya yang kecewa dengan pembawaan parti itu yang kelihatan tiada kehendak politik membantu rakyat khususnya para pengundi yang mengangkat mereka dan tiada kesungguhan menuaikan manifesto.

Warisan masih berada dalam fasa memperkuuh sokongan daripada pimpinan parti dan pemimpin-pemimpin berpengaruh untuk meraih undi daripada populasi kaum yang berbeza-beza seperti pemimpin KDMR yang dilihat akan menjadi liabiliti besar kepada Warisan pasca- PRK Kimanis. Sokongan KDMR semakin merosot apabila cadangan perlaksanaan Pas Sementara Sabah (PSS) ketika itu dilihat gagal dan menjadi bahan politik utama pembangkang yang membangunkan budaya takut dan terancam apabila kerajaan Warisan melaksanakan PSS yang kelihatan membela Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Ketidakjelasan mekanisma perlaksanaan PSS ketika itu telah menjadi wabak yang mematikan hasrat Warisan untuk menyelesaikan isu PATI di Sabah. Walaupun begitu, Pas Sementara Sabah (PSS) ketika dicadangkan sebelum ini telah mendapat sambutan yang baik khususnya oleh masyarakat Sabah di Pantai Timur Sabah. Ini kerana rata-rata pemegang pas lawatan IMM13 adalah dalam kalangan masyarakat pesisir di Pantai Timur Sabah. PSS dilihat sangat membantu lebih-lebih lagi berkaitan tempoh masa pembaharuan pas itu jika dibandingkan dengan pas lawatan IMM13. PSS mengkehendaki pemegangnya untuk memperbaharui pas itu setiap tiga (3) tahun sekali adapun pas lawatan IMM13 perlu diperbaharui setiap satu (1) tahun sekali. Masyarakat pelarian perang Filipina yang memasuki Sabah sekitar tahun 70-an lalu telah mendapat dokumen pelarian IMM13 yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Walaupun begitu, generasi pertama pelarian ini telah menetap lama di Sabah dan sudah melahirkan generasi yang ketiga sehingga sekarang. Rentetan fenomena ini, Sabah kini sedang berhadapan dengan kebanjiran orang tanpa dokumen dan orang tanpa negara yang tidak terurus serta tidak mendapat hak-hak asas seperti kesihatan, akses pendidikan dan keselamatan. Cadangan PSS adalah usaha Warisan untuk membawa isu ini ke khalayak namun atas kelompong mekanisma, ianya telah menimbulkan salah faham dalam kalangan orang asal di Sabah sekaligus membuka ruang kepada modal politik daripada kem pembangkang khususnya di Pantai Barat Sabah.

Selain itu, kerjasama politik bersama Pakatan Harapan (PH) Sabah juga masih tidak kukuh. Shafie Apdal hanya kelihatan akrab bersama Pengerusi



PH Sabah merangkap Pengurus Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sabah iaitu YB Christina Liew namun tidak dengan beberapa parti komponen dalam PH Sabah seperti Amanah dan PKR. Kesenjangan ini semakin membuak apabila konflik parti komponen Pakatan Harapan (PH) di persekutuan telah memberi kesan kepada hubungan kerjasama PH Sabah terutamanya PKR Sabah bersama Warisan. PKR Sabah merasa “dicilok” apabila Shafie Apdal menjadi calon Perdana Menteri sedangkan ianya sangat bercanggah dengan aspirasi PKR yang mahu Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri Malaysia. Pergolakan ini telah menyebabkan beberapa pertindihan dalam kenyataan pemuda PKR Sabah iaitu Angkatan Muda Keadilan (AMK) yang berakhir kepada kenyataan terakhir bahawa sokongan PKR Sabah kepada Shafie Apdal hanya untuk menjadi Ketua Menteri Sabah tapi tidak Perdana Menteri Malaysia. Hal ini terbukti apabila Kenny Chua (bekas Adun Inanam) dalam kenyataannya mengatakan bahawa sokongan Warisan terhadap bekas Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad sebagai antara sebab beliau beralih arah daripada PKR bagi menyokong bekas ketua menteri Sabah, Musa Aman.⁸

Perselisihan faham antara Amanah dan PKR bersama Warisan ketika PRK Kimanis juga adalah faktor kepada hubungan dingin antara parti ini. Dimaklumkan bahawa Warisan ketika PRK Kimanis enggan berkongsi maklumat dengan Amanah dan PKR yang hadir untuk berkempen. Menerusi Pemuda PKR Sabah, Razeef Rakimin, mendakwa Warisan lebih rela berada di blok bebas daripada bersama Pakatan Harapan (PH) Sabah.⁹ Konflik ini merupakan kelemahan terbesar koalisi parti kerajaan di Sabah. Ianya membuka ruang untuk serangan bertubi-tubi oleh pembangkang.

KOALISI PEMBANGKANG YANG BELUM SIAP

Bung Mokhtar Radin, Ketua UMNO Sabah, menafikan partinya terlibat dalam cubaan rampasan kuasa yang berlaku sehingga membawa kepada pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah.¹⁰ Kenyataan Ketua UMNO Sabah ini mula menunjukkan bahawa Musa Aman tidak bertindak atas tiket UMNO namun hanya rundingan dalam kalangan pakatan parti politik di Sabah khususnya pembangkang. Di satu sisi, PPBM Sabah dilihat sedang berseteru dengan UMNO Sabah apabila parti itu mengumumkan bahawa akan berentap di 45 kerusi DUN pada PRN akan datang.¹¹ Kenyataan PPBM Sabah menerusi Ketua PPBM Sabah, Hj. Hajiji ini dinisbahkan sebagai gelojoh dan tidak melalui proses rundingan.¹² Pemerhatian menunjukkan bahawa perseteruan Bersatu Sabah dan UMNO Sabah sudah bermula sejak dahulu lagi. Kini, hubungan dua parti ini diuji dalam pengagihan kerusi untuk PRN di Sabah.

Selain itu, pemimpin Parti STAR, David Orok menerusi kiriman di laman peribadi facebooknya sedang memberi petunjuk bahawa STAR Sabah sedang merancang untuk bertanding 60 kerusi DUN pada PRN akan datang. STAR juga kekal dengan agendanya untuk mengangkat Dr. Jeffry Kitingan menjadi Ketua Menteri Sabah. Mereka turut yakin dapat merangkul undi masyarakat

8 <https://www.malaysiakini.com/news/537204>

9 <https://www.malaysia-today.net/2020/07/30/shafie-lebih-rela-bebas-dari-bersama-ph-jadi-kenapa-paksa-kata-pemuda-pkr/>

10 <https://www.malaysiakini.com/news/536955>

11 <http://www.astroawani.com/berita-politik/bersatu-sabah-sedia-tandingi-45-kerusi-dun-253565>

12 <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/08/01/ppbm-jangan-gelojoh-umum-jumlah-kerusi-mahu-ditandingi-kata-umno-sabah/>



KDMR dan Cina dengan mudah ini kerana UMNO Sabah, Bersatu Sabah, UPKO dan Warisan disifatkan hanya mampu mendapat undi bumiputera Islam. Di satu sudut lain, pemerhatian menunjukkan bahawa Parti Cinta Sabah (PCS) yang kini dipimpin oleh Anifah Aman¹³ telah menjadi medium bagi penyokong Warisan yang kecewa dengan parti kerajaan itu dan dalam masa yang sama masih tidak boleh menerima UMNO memerintah semula. Beberapa calon Warisan pada PRU14 lalu mula bersama mendukung PCS.

Situasi ini menunjukkan bahawa pakatan politik di bawah pimpinan Musa Aman turut berkocak dan tidak stabil. Perundingan masih berjalan dan setiap parti komponen yang menyokong beliau turut memiliki agenda masing-masing. Pemerhatian menunjukkan bahawa parti komponen dalam pakatan pimpinan Musa Aman tidak meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada Musa Aman. Mereka turut berjaga-jaga dan menjaga kabilah masing-masing. Hubungan sesama parti dalam pakatan ini tidak terlalu akrab memandangkan menuju kurang daripada 60 hari PRN, mereka masih berbalas-balas kenyataan dalam menentukan kerusi pembangkang untuk dipertandingkan dalam PRN akan datang. Beberapa parti komponen dalam pakatan ini turut bertegas bertanding di kerusi tradisi masing-masing. Kelemahan koalisi pembangkang ini juga menunjukkan bahawa PRN nanti akan menampilkan pertembungan lebih 3 penjuru. Ketika ini, politik wang dan sentimen perkauman akan berulang dan menjadi kumuh yang paling kotor mencemarkan kepercayaan dan undi rakyat.

PROPAGANDA ANTI-KATAK

Budaya wakil rakyat lompat parti telah berlaku sepanjang sejarah politik di Sabah. Ini adalah fenomena yang paling tidak terlupakan oleh semua rakyat Sabah. Ketika ini, Warisan sedang memulakan perang politiknya apabila memulakan kempen anti-katak. Mereka mula menyebarkan rekaan visual, komik dan poster anti-katak yang menampilkan wajah-wajah wakil rakyat yang melompat dan menerima tawaran untuk bersama Musa Aman dalam membentuk pakatan menumbangkan kerajaan Sabah. Katak adalah konotasi menjijikkan yang termuat di dalamnya segala bentuk kecurangan politik.

Pemerhatian menunjukkan bahawa sekiranya kempen anti-katak ini diteruskan dengan momentum yang tersusun, kemas dan dipropagandakan dengan penuh teratur, ianya akan menjadi kelemahan paling besar kepada Musa Aman dan konco-konconya. Ini kerana, ketika pergulatan ini, masing-masing parti lawan daripada blok pembangkang mahupun kerajaan, tiada bahan politik yang tajam untuk menusuk lawan. Masing-masing mereka terpaksa menjadi kreatif dengan menggunakan apa sahaja sentimen yang boleh menghapuskan sokongan lawan. Berlegar di media sosial, sebuah laman web kataksabah.com¹⁴ yang memaparkan senarai wakil rakyat yang melompat parti di Sabah. Kongsian laman web ini semakin tersebar luas.

Bagi blok kerajaan, kemungkinan besar, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah yang baru-baru ini menjadi tular akan menjadi kelemahan kepada Warisan. Ini kerana parti itu sejak mula menjadi kerajaan di Sabah, sering dikaitkan dengan PATI dan kelihatan pro-PATI antaranya melalui cadangan perlaksanaan Pas Sementara Sabah (PSS) kepada warga asing di Sabah.

13 <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/07/26/anifah-takes-over-as-parti-cinta-sabah-president>

14 <https://www.kataksabah.com/>



RAKYAT SABAH MENJELANG PILIHAN RAYA NEGERI

Di era pandemik COVID-19, rakyat Sabah sedang berhadapan dengan kemerluh politik yang tidak disangka-sangka. Keputusan membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) kelihatan sebagai keputusan yang baik bagi mengembalikan kuasa rakyat menentukan wakil rakyatnya namun harus dijalankan dalam keadaan yang sangat berjaga-jaga.

Rakyat Sabah turut bercakap tentang “wajah baru bukan wajah lama” bagi menentukan parti pemerintah dan wakil rakyat pada PRN kali ini. Gagasan ini muncul kerana rakyat menjadi muak melihat pemain politik lama yang kebanyakannya terkait dengan skandal politik ataupun daripada parti yang korup. Tidak kira samada pemain politik lama di blok pembangkang mahupun kerajaan. Parti yang dapat mengetengahkan “wajah baru” dalam PRN kali ini kemungkinan akan memiliki kelebihan daripada parti lawan. Walaupun begitu, dalam sidang media selepas perjumpaan Warisan bersama UPKO dan PH Sabah, Shafie Apdal selain berpandangan perlunya wajah baharu juga menekankan bahawa calon daripada parti lokal menjadi keutamaan. Pemerhatian menunjukkan bahawa sifir politik Warisan ketika PRU14 yang menampilkan diri sebagai parti lokal masih diteruskan. Kemungkinan besar, retorik Sabah for Sabahan juga akan menjadi aparatus kempen pada PRN akan datang memandangkan kemungkinan pembahagian kerusi pada PRN kali ini akan didominasi oleh Warisan berbanding UPKO dan PH Sabah.

Di lapangan, orang ramai masih tidak boleh menerima Musa Aman menjadi Ketua Menteri Sabah semula. Namun, Warisan juga telah mengecewakan para pengundinya dengan tidak melaksanakan manifesto dan dilihat gagal menguruskan bantuan rakyat sepanjang berlakunya pandemik COVID-19 di Sabah. Sikap Warisan ini telah menyebabkan ramai penggerak dan pendukungnya kecewa dan mula membawa haluan masing-masing. Kemungkinan pencabar blok kerajaan pada PRN kali ini kebanyakannya datang daripada blok bebas atau parti selain Warisan/Bersatu Sabah/UMNO Sabah iaitu calon yang kecewa dengan Warisan namun anti-UMNO/BN dan pakatan oleh Musa Aman.

Isu keselamatan turut menjadi kebimbangan dalam kalangan masyarakat Sabah apabila debat-debat tentang tuntutan Filipina ke atas Sabah menjadi tular semula rentetan kenyataan Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina pada 27 Julai 2020 yang mendakwa Sabah bukan sebahagian daripada Malaysia.¹⁵ Setahun yang lalu pada Februari 2019, hal yang sama turut diungkapkan oleh Duta Filipina ke Malaysia, Charles Jose yang bertegas mengekalkan tuntutan Filipina ke atas Sabah.¹⁶ Hal ini telah menyentuh isu kedaulatan Malaysia dan sekaligus menjadi ancaman keselamatan kepada Sabah.

Hal ini menjadi lebih kalut apabila Moro National Liberation Front (MNLF) pimpinan Nur Misuari turut menyatakan keinginannya untuk membantu Filipina dalam tuntutan ke atas Sabah.¹⁷ Trauma rakyat Sabah atas pencerobohan Tanduo, Lahad Datu pada tahun 2013 masih belum padam dalam memori.

15 <https://www.sinarharian.com.my/article/94793/BERITA/Nasional/Tuntutan-Filipina-terhadap-Sabah-tidak-perlu-dilayan>

16 <https://www.borneotoday.net/filipina-kekal-pendirian-tuntut-sabah-duta-filipina/>

17 <https://www.borneodailybulletin.com/mnlf-helping-in-sabah-claim/>



Tuntutan ke atas Sabah kali ini telah mengheret semula Sabah kepada ancaman perang atau keganasan. Di samping itu, menurut Sidney Jones (expert on security in Southeast Asia), penculikan di perairan Sabah akan dijangkakan meningkat selepas ini. Menurut Ali Fauzi (pengasas Moro Islamic Liberation Front — MILF), Abu Sayyaf sedang menyusun penculikan kerana mereka kehabisan dana.¹⁸

Dari sudut keselamatan, Pantai Timur Sabah antara yang lebih terdedah dengan beberapa ancaman keselamatan seperti penculikan di perairan Sabah berbanding Pantai Barat Sabah. Kes penculikan di perairan Sabah daripada tahun 2014 hingga tahun 2020 kebanyakannya berlaku di Pantai Timur Sabah antaranya di daerah Lahad Datu, Semporna, Sandakan dan Kinabatangan. Ianya sekaligus menjadi ancaman kepada para nelayan dan setiap aktiviti di laut walaupun perlaksanaan perintah berkurnung di beberapa daerah di kawasan ESSZONE masih diteruskan pada setiap dua minggu oleh ESSCOM. Tangkapan kes-kes penyeludupan syabu dan dadah juga masih tersiar di berita-berita tempatan. Hal-hal ini menambahkan lagi kegusaran rakyat Sabah, dan pasti akan menjadi topik hangat menjelang pilihan raya.

¹⁸ <https://www.benarnews.org/english/news/indonesian/kidnapping-concerns-07292020173007.html?fbclid=IwAR0Q29n7UiRMsj3-Dg6IZIAdxVq3aICM6PLJ4O2zsIY5UQlbPkiTOMPhfg>